



7 Julai 2012

## Tiga bersaudara tumpas

KUALA LUMPUR: Tiga lelaki bersaudara dan seorang lagi rakan jenayah mereka yang dipercayai kumpulan sindiket pengedaran dadah serta samun diberkas dalam serbuan khas di sebuah rumah di Ulu Gombak, petang Ahad lalu.

Dalam serbuan jam 2 petang itu, polis turut merampas empat pistol jenis Glock, Smith & Wesson dan Browning serta satu pengedap bunyi selain 140 pil Eramin 5.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim berkata, pihaknya mendapat maklumat berhubung kumpulan penjenayah profesional terbabit yang memiliki senjata api dan dadah sebelum satu pasukan polis menyerbu rumah di kawasan kampung itu.

“Berdasarkan maklumat, satu serbuan berisiko tinggi dilakukan kerana kumpulan terbabit mempunyai senjata api dan hasil tindakan pantas berjaya memberkas keempat-empat suspek berusia 34 hingga 60 tahun itu tanpa kejadian berbalas tembakan.

“Selain empat pistol, polis turut menemui 697 peluru pelbagai jenis dan hasil siasatan lanjut mendapati seorang daripada suspek mempunyai tiga rekod jenayah lampau membabitkan kes samun serta dadah,” katanya di sini, semalam.

Menurutnya, siasatan dijalankan bagi mengenal pasti sama ada semua suspek yang juga warga tempatan itu bergiat dalam sindiket pengedaran dadah saja atau turut melakukan kegiatan jenayah lain dan semua suspek kini direman serta kes disiasat mengikut Seksyen 8, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat).